

Faktor Yang Mempengaruhi Mahasiswa Islam Fakulti Pendidikan UTM Terhadap Hukum Halal Dan Haram Dalam Amalan Pemakanan

Mohd Rizal Bin Mohd Said & Mohd Zulfikri Bin Ahmad

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini dijalankan adalah mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi mahasiswa Islam terhadap hukum halal dan haram dalam amalan pemakanan. Objektif kajian adalah untuk mengkaji faktor pengetahuan, sikap, dan keprihataian dalam mempengaruhi hukum halal dan haram dalam amalan pemakanan. Kajian ini dijalankan di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia menggunakan sampel kajian seramai 245. Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah menggunakan kaedah tinjauan deskriptif. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik yang mempunyai 2 bahagian iaitu bahagian A adalah latar belakang responden, bahagian B adalah menjawab persoalan kajian. Data-data yang dikumpul seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows Version 11.5. Hasil analisis daripada persoalan kajian mendapati secara keseluruhannya kesemua faktor yang dikaji mempengaruhi amalan pemakanan dikalangan mahasiswa Islam. Beberapa cadangan telah dibuat untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mahasiswa Islam dalam amalan pemakanan. Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pihak-pihak yang berkenaan bagi mengatasi masalah hukum halal dan haram berdasarkan faktor pengetahuan, sikap dan keprihataian.

Katakunci : faktor, mahasiswa Islam, hukum halal dan haram, amalan pemakanan

Pendahuluan

Islam merupakan agama yang diwahyukan oleh Allah S.W.T kepada RasulNya, merangkumi segala aspek dalam kehidupan manusia. Iaitu dari segi ibadah, muamalah, munakahat, jenayah. Semuanya telah jelas terkandung di dalam al-Quran mahupun as-Sunnah. Dalam hal ini, dalil yang menunjukkan hukum ke atas umat Islam telah sempurna mengenai masalah halal dan haram serta suruhan dan larangan sesuatu perkara adalah jelas iaitu melalui wahyu Allah S.W.T yang terakhir diturunkan kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W. Allah S.W.T berfirman dalam Surah al-Maidah ayat 3;

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya:

“Pada hari ini aku telah sempurnakan untuk kamu agamamu dan telah aku sempurnakan atas kamu nikmatKu, dan aku telah rela untukmu Islam sebagai agamamu”.

(al-Ma'idah: 3)

Islam telah menggariskan satu persatu sebagai panduan kepada penganutnya dalam menjalani kehidupan. Allah S.W.T juga telah mengurniakan akal fikiran kepada manusia bagi memudahkan mereka memilih jalan hidup demi mencapai keredhaan Allah S.W.T. Bagi mencapai keredhaan tersebut, manusia perlu menurut dan mentaati setiap apa yang digariskan dalam Islam.

Setiap kelakuan anak Adam tidak dapat dipisahkan dari hukum halal dan haram. Ia juga merupakan satu perundangan bagi mewujudkan kebaikan untuk umat manusia dan menghilangkan beban yang berat serta memudahkan umat manusia dalam kehidupan harian. Landasan syariah Islam yang tetap menegakkan hukum menghilangkan mafsada dan mendatangkan maslahat untuk semua umat manusia sama ada jasmaninya, jiwanya, akalanya, masyarakat keseluruhannya, yang kaya, yang miskin, penguasa, rakyat, lelaki, perempuan dan untuk keseluruhan manusia baik jenisnya, warna kulitnya, bangsanya, pada setiap masa dan generasi.

Setiap kelakuan anak Adam tidak dapat dipisahkan dari hukum halal dan haram. Ia juga merupakan satu perundangan bagi mewujudkan kebaikan untuk umat manusia dan menghilangkan beban yang berat serta memudahkan umat manusia dalam kehidupan harian. Landasan syariah Islam yang tetap menegakkan hukum menghilangkan mafsada dan mendatangkan maslahat untuk semua umat manusia sama ada jasmaninya, jiwanya, akalanya, masyarakat keseluruhannya, yang kaya, yang miskin, penguasa, rakyat, lelaki, perempuan dan untuk keseluruhan manusia baik jenisnya, warna kulitnya, bangsanya, pada setiap masa dan generasi.

Penyataan Masalah

Kita perlu menerima kenyataan bahawa telah banyak perbincangan dan kritikan-kritikan mengenai sesetengah masyarakat di kalangan pelajar yang mengabaikan hukum halal dan haram dalam amalan hidup mereka meskipun perkara ini telah jelas disebut di dalam Al-Quran dan As-Sunnah. Mereka seolah-olah menganggap hukum halal dan haram yang telah ditetapkan itu sekadar anjuran dan boleh dipertimbangkan sama ada ingin mengikut atau tidak dalam mengejar kehidupan dunia.

Oleh yang demikian, penyelidik ingin membuat satu kajian bagi mendapatkan maklumat mengenai sikap mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia terhadap hukum halal dan haram yang telah ditetapkan di dalam Al-Quran dan As-Sunnah yang juga merupakan rutin hidup harian mereka. Bagi membicarakan mengenai sikap pelajar terhadap hukum halal dan haram yang telah jelas tersebut, pengkaji mempunyai beberapa perkara yang akan dipersoalkan iaitu mengenai pengetahuan dan kefahaman mereka sebagai mahasiswa Islam terhadap hukum halal dan haram, kesedaran dan sikap mereka terhadap beberapa aspek yang dirasakan amat penting dibicarakan iaitu mengenai pemakanan.

Objektif Kajian

Pengkaji telah mengenal pasti beberapa tujuan kajian sebagai panduan bagi memastikan agar kajian yang dijalankan menepati dengan tajuk kajian. Tujuan kajian tersebut ialah:

- i. Untuk mendapatkan maklumat mengenai pengetahuan mahasiswa Islam terhadap asas-asas hukum halal dan haram dalam syariat Islam.
- ii. Untuk mengetahui sikap mahasiswa Islam terhadap hukum halal dan haram khususnya dalam amalan pemakanan.
- iii. Untuk mengenalpasti keprihatinan mahasiswa Islam terhadap amalan penyediaan makanan di restoran mengikut syariat Islam.

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk tinjauan deskriptif kuantitatif di mana ia bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi Mahasiswa Islam terhadap hukum halal dan haram dalam amalan pemakanan dengan membuat analisa data deskriptif yang diperolehi daripada soal selidik yang dikumpul daripada sampel.

Berdasarkan Tuckmen (1985) kajian deskriptif menerangkan fenomena dengan menganalisis data deskriptif yang diperolehi dengan soal selidik atau media-media.

Dalam proses penyelidikan, borang soalselidik digunakan sebagai instrument kajian kerana ia merupakan satu bentuk kajian deskriptif, menurut Misbet dan Enovistle (1970), kaedah tinjauan merupakan satu daripada kaedah penyelidikan yang kerap digunakan untuk mengumpul maklumat berhubung dengan keadaan fenomena semasa. Menurut Oppenheim (1966), penggunaan rekabentuk kajian seharusnya dapat memenuhi tinjauan yang telah ditetapkan agar boleh membentuk kajian dan mendapat jawapan kepada masalah yang sebenar serta memenuhi criteria keesahan dan keboleh percayaan. Ia dapat diperkukuhkan lagi dengan pernyataan yang dibuat oleh Karlinger (1973), rekabentuk penyelidikan mengandungi perancangan struktur dan strategi dalam kajian membolehkan kita memperolehi jawapan-jawapan daripada persoalan kajian. Disebabkan kekangan masa, kaedah menggunakan soal selidik adalah paling sesuai digunakan, dimana kaedah analisis data juga mudah dilakukan berbanding dengan kaedah pemerhatian secara langsung yang memerlukan kemahiran terlatih serta memerlukan masa yang lama.

Demikian juga pendapat Van Dalen (1993), menyatakan kajian tinjauan secara deskriptif adalah kajian terhadap perkara yang sedang berlaku. Keadaan ini melibatkan pengumpulan data-data, membuat inteprestasi (taksiran), perbandingan dan merumus generalisasi (kesimpulan secara umum).

Populasi dan Sampel

Populasi merupakan cerapan ke atas sekumpulan individu atau objektif yang mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama di antara individu dengan individu yang lain. Sampel mewakili populasi (Mohd. Najib ,1999). Kajian ini ditujukan kepada Mahasiswa-mahasiswa Islam Fakulti Pendidikan. Oleh kerana jumlah Mahasiswa Islam Fakulti Pendidikan terlalu ramai, kaedah sampel rawak digunakan iaitu kelompok atas kelompok (Blum dan Foes, 1986). Sempel yang diambil adalah Mahasiswa Islam daripada Tahun 4SPH Perdana dan 4SPH PKPG. Jumlah keseluruhan Mahasiswa Islam Fakulti Pendidikan adalah 2006 orang pelajar, disebabkan jumlah populasi terlalu ramai pengkaji menggunakan kaedah sampel rawak digunakan iaitu kelompok atas kelompok. Menurut Mohd. Najib (1999) jika jumlah responden dalam populasi terlalu besar kaedah sampel kelompok atas kelompok lebih baik digunakan ini disebabkan oleh kekangan masa pengkaji itu sendiri. Jumlah sampel yang diambil mengikut jadual Jadwal Krejeie, R. V and Morgan D. W. Sejumlah 245 orang pelajar dikenalpasti sebagai responden.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk borang soal selidik, yang akan diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklumbalas, yang mana ianya merangkumi beberapa item. Menurut Van Delen (1993), soal selidik merupakan satu cara paling mudah untuk memperolehi maklumat. Soal selidik mempunyai beberapa kebaikan dibandingkan dengan cara-cara lain dalam usaha penyelidikan mendapatkan maklumat kualitatif dan kuantitatif. Di antaranya ialah maklumat dan data-data dari responden dapat diperolehi secara terus daripada responden. Selain itu ianya lebih cepat serta menjimatkan masa dan perbelanjaan.

Arahan dan soalan yang diberi dalam soal selidik adalah piawai dan serupa kepada semua responden yang dikaji. Responden dapat bertindak balas terhadap rangsangan soalan yang piawai dengan lebih berkesan. Ini dapat meningkatkan lagi ketepatan dan kebenaran gerak balas

responden terhadap rangsangan soalan yang diberi . Di samping itu , responden juga lebih mudah dan berani untuk member tindak balas terhadap aspek yang dikaji. Dalam kajian ini penyelidik telah menggunakan soal selidik yang berdasarkan skala kadar dengan menggunakan skala lima mata. Penggunaan skala lima mata adalah kerana sebab-sebab berikut :

- 1) Soal selidik lebih mudah ditadbir setelah dibina dengan baik.
- 2) Lebih mudah untuk mendapatkan data yang banyak.
- 3) Maklumat yang diperolehi daripada responden mudah dianalisis
- 4) Soal selidik lebih menjimatkan masa , tenaga dan kos.
- 5) Responden lebih mudah dan berani untuk memberi tindak balas terhadap aspek yang dikaji.

Borang soal selidik mengandungi dua bahagian iaitu A dan B. Bahagian A menggunakan skala nominal di mana soalan perlu ditanda (/) oleh responden berkaitan latar belakang mereka . Bahagian B pula, soalan berkaitan tahap faktor-faktor yang mempengaruhi hukum halal dan haram responden. Skala yang digunakan untuk mengukur pemarkahan bahagian B bagi kajian ini ialah menggunakan kaedah skala 5 mata iaitu 1,2,3,4 dan 5.

Jadual 1 : Skala Lima Mata Dan Skor

Skala lima mata	skor
Sangat tidak setuju (STS)	1
Tidak setuju (TS)	2
Kurang Setuju (KS)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

Kajian Rintis

Kajian rintis ini telah dijalankan di Sekitar Universiti Teknologi Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk memastikan soal selidik yang dibina mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Ini memastikan ketepatan soal selidik yang diajukan benar-benar difahami oleh Mahasiswa Islam apabila menjalankan kajian sebenar nanti. Seramai 10 orang responden mahasiswa Islam terlibat didalam kajian rintis ini . Mereka diminta memberi ulasan terhadap soal selidik yang dibina. Ini adalah penting kerana soal selidik yang dibuat tanpa penelitian akan mendapat sambutan yang kurang memuaskan. Sulaiman Ngah Razali, (1996). Hasil dari kajian ini akan menyebabkan perubahan pada soalan item bagi mendapatkan satu set soal selidik yang berkesan. Hasil daripada kajian rintis ini, penyelidik telah mendapati nilai Alpha 0.841 setelah diproses dengan menggunakan SPSS Windows 11.5. Ini menunjukkan soal selidik yang dibina itu mempunyai nilai kebolehpercayaan yang agak tinggi dan berupaya mengukur pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini dengan baik.

Analisis Data

Analisis yang dapat dibuat berdasarkan jadual 2 menunjukkan bahawa bagi persoalan kajian pertama peratus keseluruhan yang diperolehi adalah 84.3%, manakala min adalah 4.32. Manakala bagi persoalan kajian yang kedua pula peratus keseluruhan diperolehi adalah 95.5%, min yang diperolehi adalah 4.6. Bagi persoalan kajian yang ketiga pula peratus keseluruhan yang diperolehi adalah 98.6%, min yang diperolehi adalah 4.7.

Jadual 2 :Rumusan Dapatan Kajian

	Keputusan	Min	Tahap
<p><i>Persoalan Kajian Pertama</i></p> <p>Sejauh manakah pengetahuan mahasiswa Islam mengenai hukum halal dan haram yang disyariatkan dalam Islam.</p>	84.36%	4.32	Positif
<p><i>Persoalan Kajian Kedua</i></p> <p>Sejauh manakah keprihatinan mahasiswa Islam terhadap amalan penyediaan makanan di restoran mengikut syariat Islam.</p>	95.5%	4.66	Sangat Positif
<p><i>Persoalan kajian Ketiga</i></p> <p>Sejauh manakah sikap mahasiswa Islam terhadap hukum halal dan haram dalam amalan pemakanan.</p>	98.6%	4.71	Sangat Positif

Perbincangan

Berdasarkan daripada penganalisan terhadap aspek ini 10 item soalan yang telah dikemukakan dapat memberikan gambaran tentang sejauh manakah pengetahuan mahasiswa Islam mengenai hukum halal dan haram yang disyariatkan dalam Islam. Kesemua aspek-aspek ini apabila dianalisis akan menunjukkan sejauh manakah pengetahuan mahasiswa terhadap hukum halal dan haram yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T.

Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa seramai 100% mahasiswa bersetuju bahawa hukum halal dan haram dalam Islam telah ditetapkan oleh Al- Quran, Ijmak dan Qias. Dalam hal ini, dalil yang menunjukkan hukum ke atas umat Islam telah sempurna mengenai masalah halal dan haram serta suruhan dan larangan sesuatu perkara adalah jelas iaitu melalui wahyu Allah S.W.T yang terakhir diturunkan kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W. Allah S.W.T berfirman dalam Surah al-Maidah ayat 3;

Maksudnya:

“Pada hari ini aku telah sempurnakan untuk kamu agamamu dan telah aku sempurnakan atas kamu nikmatKu, dan aku telah rela untukmu Islam sebagai agamamu”.

(al-Ma’idah: 3)

Diikuti pula seramai 97.6% menyatakan bahawa mereka diajar mengenai hukum halal dan haram dalam amalan pemakanan. Seramai 93.9% menyatakan mereka mengetahui aspek-aspek yang dinilai dalam menentukan hukum halal dan haram dalam sesuatu makanan. Ini

bermakna hampir keseluruhan mahasiswa Islam mengetahui aspek yang harus dinilai sebelum mereka membeli atau memakan makanan tersebut. Seramai 93.9% mahasiswa menyatakan bahawa pendidikan di sekolah mampu membantu mengenalpasti sesuatu hukum halal dan haram. Ini bertepatan dengan dengan apa yang dikatakan oleh Dr Wan Hussin Azmi, 1988. Pendidikan Islam ialah “segala daya usaha untuk menyampaikan ajaran Islam kepada manusia dan melatih manusia secara amali supaya melaksanakan segala ajarannya sehingga amalan ajaran Islam itu menjadi kebiasaan sebagai satu cara hidup.”

Berdasarkan penganalisaan juga menunjukkan hanya seramai 62.2% mahasiswa menyatakan bahawa untuk mengenalpasti sesuatu makanan itu halal atau tidak adalah melalui logo halal yang dikeluarkan oleh JAKIM. Ini menunjukkan bahawa masih ramai lagi mahasiswa tidak yakin dengan logo halal yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM. Ini diikuti pula 60% mahasiswa yang boleh menyebut beberapa dalil ayat Al-Quran dan Sunnah mengenai sesuatu yang halal dan haram dalam amalan pemakanan. Seramai 97.1% mahasiswa menyatakan perkara yang syubahah sewajarnya dihindari dalam amalan pemakanan. Seperti mana Sabda Rasulullah S.A.W di dalam Hadis 40 (Terjemahan dan syarahnya) susunan Imam an-Nawawi iaitu:

“Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas dan antara keduanya ada hal-hal yang syubhat (samar-samar), yakni tidak diyakinkan salah satunya kerana tidak terang halal dan haramnya disebabkan pertentangan di antara dua dalil”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Ini membuktikan mahasiswa Islam memahami serta jelas dengan apa yang disabda oleh Rasulullah di dalam Hadisnya. Seramai 54.3% mahasiswa menyatakan bahawa makanan yang dimasak oleh orang melayu adalah halal. Manakala seramai 84.1% mahasiswa menyatakan mereka mendapat pendidikan tidak formal. Ini jelas membuktikan bahawa pendidikan tidak formal itu banyak memberi manfaat kepada mahasiswa serta masyarakat umumnya.

Seramai 99.2% mahasiswa menyatakan bahawa berdosa sekiranya terlibat dalam amalan pemakanan yang tidak halal. Ini bermakna mahasiswa Islam memahami apa yang diperkatakan oleh Yusuf Qardhawi dalam bukunya “Halal dan Haram Dalam Islam(1995). “haram bermaksud perkara yang dilarang oleh syarak dengan sebenar-benar larangan, bagi yang melanggar apa yang diharamkan ini akan mendapat azab di akhirat dan kemungkinan akan mendapat hukuman syarak di dunia lagi”. Ini bertepatan dengan kata-kata Mohd Salih Samak, 1983. “Pendidikan agama bukan setakat memahami nas-nas atau mempelajari sukatan pelajaran yang disediakan sahaja, malahan meliputi juga adat resam, kemahiran dan kebolehan yang membolehkan sesuatu itu membentuk akhlak dan moral yang tinggi yang seharusnya diamalkan dalam kehidupan seharian.”

Rujukan

Ab. Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Mat Zin (1997).”Pengantar Usul Fiqh.” Kuala Lumpur : Ilham Abadi Enterprise.

Albar, Mohamad Ali (1993). “Masalah Arak dan Penyelesaiannya Menurut Islam.”Kelantan : Pustaka Reka.

Ahmad Kilan Mohamed (1996). “Halal dan Haram Dalam Kehidupan Harian: Satu huraian dari segi makanan dan pergaulan.” Johor Bharu : UTM

Ghazali (1998). “Halal dan Haram Dalam Islam.” Kuala Lumpur : Jasmin Enterprise.

- Ghazali Basri (Okt 1985) "Konsep dan Pengertian Pendidikan Menurut Perspektif Islam" Jurnal Pendidikan Islam, Kuala Lumpur: ABIM.
- H. Moh Abdai Rothomy (2000). "Terjemahan Hadis Shasih Bukhari." Jilid iv, v, & vi Kuala Lumpur : Victory Agencie.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Skudai. Penerbit UTM.
- Mohd Khairuna (2003). "Bolehkah Makanan Sembelihan Ahli Kitab". Majalah Cermin, Jilid 64. Hlm. 98
- Noresah Baharom (2002). "Kamus Sewan Edisi Ketiga." Kuala Lumpur. Pustaka Islamiah PTE LTD.
- Oppenheim. A.N (1996). "Questionnaire Design and Attitude Measurement". Landon: Heinemenn Educationel Books Ltd.
- Phuah Kooi Ean. (1984). "Pemakanan." Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Qardhawi, Yusof (1995). "Halal dan Haram Dalam Islam." Singapura : Pustaka Islamiah PTE LTD.
- Robiah Kulop Hamzah (1993). " Remaja Dan Kertampilan Diri". Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Robiah Sidin (1994). "Pendidikan Di Malaysia: Cabaran Untuk Masa Depan". Petaling Jaya .Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sulaiman Ngah Razali (1996) "Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sema, (2000). "Perbahasan Kaedah Fiqh."Kuala Lumpur. Ilham Abadi Enterprise.
- Wan Hussien Azmi (1988) Peranan Institusi Pendidikan untuk Meningkatkan Pendidikan Islam, Kertas kerja dibentangkan di seminar Pendidikan Islam Kelantan, anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Zaharah Merican (1983). "Kebersihan dan Sanitasi Untuk Industri Makanan" Maklumat Teknologi Makanan. 34-45.